



13 Oktober 2021  
13 October 2021  
P.U. (A) 396

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2021

*PRIVATE EMPLOYMENT AGENCIES  
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

**PERATURAN-PERATURAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 32(1) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246], Menteri, dengan keizinan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Agensi Pekerjaan Swasta (Pengkompaunan Kesalahan) 2021.**

**Kesalahan yang boleh dikompaun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang PKK(K) 1 Jadual Kedua.

**Tatacara mengkompaun**

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang PKK(K) 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Ketua Pengarah dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

**Penyetujuterimaan kompaun**

4. Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang PKK(K) 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang PKK(K) 3 itu kepada Ketua Pengarah.

**Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu—

(a) secara kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah; atau

(b) melalui pemindahan wang secara elektronik ke akaun yang ditentukan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat.

**Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat**

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan di bawah peruntukan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [*Akta 246*] yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (a) subseksyen 13(2)
- (b) subseksyen 13A(3)
- (c) subseksyen 13D(4)
- (d) subseksyen 13D(5)
- (e) subseksyen 13D(7)
- (f) subseksyen 19(4)

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 2(2) dan 3(1) dan peraturan 4]

BORANG PKK(K) 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2021

**KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 32(2) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], saya ..... (*nama*) dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun ..... (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah ..... yang dikatakan telah dilakukan pada ..... (*) di ..... (*).**

Tarikh:

.....  
Pendakwa Raya/  
Timbalan Pendakwa Raya